

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Yb Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini daripada projek-projek ECER (*East Coast Economic Corridor*) di negeri Kelantan. Berapa banyak RM (Ringgit Malaysia) yang telah dibelanjakan untuk menjayakan projek-projek ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan dan tumpuan yang lebih memandangkan kemerosotan dalam pelaksanaan program ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi merapatkan jurang pembangunan dan ekonomi antara Wilayah Pantai Timur termasuklah Kelantan berbanding Wilayah Pantai Barat Semenanjung. Bagi mengurangkan jurang tersebut, pelbagai program dan projek-projek pembangunan, infrastruktur, sosioekonomi, pertanian dan sebagainya telah dilaksanakan. Projek-projek dan program yang dilaksanakan adalah secara berdaya maju, seimbang dan mampan bagi manfaat kepada masyarakat setempat khususnya dan negara umumnya. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program dan projek-projek di ECER termasuk di Kelantan.

Bagi Negeri Kelantan, projek dan program yang dilaksanakan telah pun menunjukkan impak positif terhadap pembangunan, peningkatan infrastruktur serta perkembangan sosioekonomi di negeri berkenaan. Sebagai contoh, jumlah pelaburan yang telah diterima di Negeri Kelantan dari 2007 sehingga suku ke-3 tahun 2014 adalah sebanyak RM11.04 bilion di mana dianggarkan telah berjaya mewujudkan sebanyak 11,269 peluang pekerjaan seperti di bawah :

Sektor	2007 – 2014	
	Pelaburan RM	Peluang Pekerjaan
Pembinaan	29,137,424	1,250
Pendidikan	306,929,429	381
Pembuatan	6,562,185,927	5,849
Perkhidmatan	5,250,691	25
Pertanian	83,000,000	1,275
Logistik	1,800,000,000	138
Hartanah	1,200,000,000	-
Pelancongan	1,050,244,860	2,351
Jumlah	11,036,748,331	11,269

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peruntukan sebanyak RM185 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan 19 projek, manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula peruntukan sebanyak RM489 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan 9 projek di Kelantan.

Di antara projek-projek yang dilaksanakan adalah kerja Menaiktaraf Loji Rawatan Air Wakaf Bunut di Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) untuk produk berasaskan ikan di Pengkalan Kubor serta Pusat Hab Halal dan Cadangan Loji Rawatan Air di Pasir Mas.

Bagi peningkatan sosioekonomi dan modal insan pula, program Agropolitan di Gua Musang, Program *empower* ECER dan Program *entrepreneur* ECER telah juga dilaksanakan bagi

meningkatkan pendapatan penduduk terlibat. Jumlah peserta yang terlibat bagi program-program tersebut adalah seperti dibawah :

Program	Jumlah Peserta (2012 – 2014)
Agropolitan	325
<i>empower</i> ECER	6,000
<i>entrepreneur</i> ECER	397
Jumlah	6,722

Kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek-projek pembangunan dan ekonomi bagi kepentingan rakyat di Kelantan dalam tahun-tahun mendatang. Walau bagaimanapun, memandangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) masih lagi di peringkat penyediaan, maka adalah terlalu awal untuk menyatakan jumlah peruntukan serta senarai program dan projek-projek yang akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.